

26hb. Mac, 1976.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1976

Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan

Adalah dimaklumkan bahawa dengan keluarnya **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 1969** bertarikh 28hb. Oktober, 1969, semua pegawai-pegawai kanan Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas (pada masa itu dikenal Bahagian I) yang berumur 40 tahun dan lebih adalah digalakkan menjalani pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa. Peraturan-peraturan lanjut mengenai cara-cara pemeriksaan kesihatan tersebut ada diterangkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut.

2. Walaupun adanya arahan seperti di atas, masih terdapat ramai pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang terlibat telah tidak berbuat demikian. Adalah ditegaskan bahawa perneriksaan kesihatan itu ialah untuk kebaikan pegawai-pegawai itu sendiri supaya rawatan perubatan segera dapat diberi jika perlu. Oleh itu semua mereka yang berkenaan adalah dinasihatkan sekali lagi supaya mematuhi arahan yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan itu.
3. Mengikut perenggan 2 Surat Pekeliling Perkhidmatan itu Ketua-ketua Jabatan adalah diarahkan supaya menghantarkan ke Kementerian Kesihatan nama-nama semua pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang telah mencapai umur 40 tahun. Nama-nama tersebut adalah diperlukan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk membolehkan pihaknya mengaturkan tempat, hari dan masa yang sesuai bagi pegawai-pegawai berkenaan untuk menjalani pemeriksaan kesihatannya. Tetapi peraturan ini didapati agak sukar untuk dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan berkesannya.
4. Sekarang ini beberapa hospital di negara ini telahpun dibekalkan dengan pegawai-pegawai pakar perubatan yang boleh menjalankan pemeriksaan ke atas pegawai-pegawai. Senarai hospital-hospital yang mempunyai pakar-pakar perubatan ada di [Lampiran 'A'](#) kepada Surat Pekeliling ini.
5. Oleh itu adalah diputuskan bahawa pegawai-pegawai bolehlah berhubung melalui Ketua-ketua Jabatan mereka dengan pakar-pakar perubatan atau Ketua-ketua Unit Perubatan di hospital-hospital yang berhampiran dengan tempat mereka bekerja yang telah dibekalkan dengan pakar-pakar perubatan seperti disenaraikan, untuk perneriksaan tersebut.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Salinan:

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri (Semenanjung Malaysia)

**Senarai Hospital-hospital Yang Mempunyai
Perkhidmatan Pakar-pakar Perubatan**

NEGERI

HOSPITAL

Perlis - Hospital Besar, Kangar

Kedah - Hospital Besar Alor Star

- Hospital Daerah, Sungai Petani

Pulau Pinang - Hospital Besar, Pulau Pinang (Yunit I)

(Yunit II)

Perak - Hospital Besar, Ipoh (Yunit I)

(Yunit II)

- Hospital Daerah, Taiping

- Hospital Teluk Anson

Negeri Sembilan - Hospital Besar, Seremban

- Hospital Daerah, Kuala Pilah

Melaka - Hospital Besar, Melaka

Johor - Hospital Besar, Johor Bahru (Yunit I)

(Yunit II)

- Hospital Daerah, Muar
 - Hospital Daerah, Kluang
 - Hospital Daerah, Batu Pahat
 - Hospital Daerah, Segamat
- Pahang
- Hospital Besar, Kuantan
 - Hospital Daerah, Mentakab
- Trengganu
- Hospital Besar, Kuala Trengganu
- Kelantan
- Hospital Besar, Kota Bharu
- Selangor & Wilayah Persekutuan
- Hospital Daerah, Klang
 - Hospital Daerah, Banting
 - Hospital Besar, Kuala Lumpur (Yunit I)

(Yunit II)

(Yunit III)

- Yunit Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan